

Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُو رَسِيَّتِي بَاتِي كُنُو لُو كِي مَبَارَا



10.0 *Kursus-kursus Anjuran InQKA*

Terdapat beberapa jenis dan siri kursus yang telah dianjurkan oleh InQKA di sepanjang tahun 2014 bagi menyokong pelaksanaan dan menguatkan lagi SPK universiti selain memberikan pengetahuan dan kepakaran kepada para penilai AKNC dan KIK. Di antaranya ialah kursus Ketua Juruaudit, Kursus Audit Dalam, Kursus Kawalan Dokumen dan Kursus Menyelenggara SPK Secara Berkesan yang dikhaskan untuk Wakil Pengurusan dan Ketua Unit Kualiti.

10.1 *Kursus Audit Dalam (KAD)*

Kursus Audit Dalam (KAD) merupakan kursus tiga (3) hari yang bertujuan untuk memberi kefahaman komprehensif mengenai Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Peserta yang dicalonkan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) masing-masing bakal dilantik sebagai auditor dalaman. Staf akademik dan pentadbiran yang ingin memahami keperluan ISO 9001:2008 dengan lebih mendalam juga dialu-alukan untuk menyertai kursus ini. Jumlah peserta yang telah menghadiri kursus ini pada 2014 ialah seramai 314 orang.

Bermula Febuari hingga November 2014, tujuh (7) siri Kursus Audit Dalam telah dijalankan. Hasil kajiselidik keberkesanan kursus sehingga kini menunjukkan bahawa tahap kefahaman peserta mengenai keperluan ISO 9001:2008 adalah baik selepas menghadiri kursus kerana peserta telah meletakkan skala 4 (Faham) bagi prinsip kualiti dan keperluan ISO serta Audit.

Disertakan jadual KAD bagi tahun 2014 serta analisa keberkesanan kursus tersebut:

Jadual 9 : Kursus Audit Dalam Sepanjang 2014

Siri Kursus	Tarikh	Tempat/Anjuran	Bilangan Peserta	Fasilitator
01/2014	26 - 28 Februari 2014	Bilik Seminar, Perpustakaan INTEC, UiTM Seksyen 17/ Fakulti Pendidikan	10	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Hj Rosida Ahmad Junid
02/2014	21 - 23 April 2014	Dewan Bestari, Koleh Mawar, UiTM Shah Alam/InQKA	71	1. Prof Madya Norhayati Ahmad 2. Pn Hj Wan Razifah Wan Ahmad
03/2014	26 - 28 Mei 2014	Dewan Serbaguna, UiTM Perak/UiTM Perak	15	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Hj Rosida Ahmad Junid
04/2014	23 - 25 Jun 2014	Makmal 1, UiTM Sabah/UiTM Sabah	30	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Norlis Osman
05/2014	18 - 20 Ogos 2014	Dewan Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam	65	1. Cik Nadzira Yahya 2. Pn Norlis Osman
06/2014	10-12 November 2014	Dewan Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam	33	1. Cik Nadzira Yahya 2. Pn Norlis Osman
07/2014	22-24 November 2014	Bilik Sarjana UiTM Sarawak		1. Cik Nadzira Yahya 2. Pn Norlis Osman



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor